

PERSOALAN RELATIVITI BUTIRAN LEKSIKAL DENGAN RUJUKAN KHUSUS KEPADA KATA KERJA BAHASA MINANG SILUNGKANG¹

Amir Arif Abdul Latip
Jabatan Bahasa Melayu
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
amir_ebaa@yahoo.com

PENGENALAN

Sebagai lawan kepada bersifat sejagat atau universal, sesuatu kejadian itu dikatakan relatif; yakni kewujudannya bukanlah dalam bentuk yang seragam mahupun bersifat mutlak tetapi berbeza-beza antara pelbagai latar alam dan latar budaya atas kendala tertentu. Dikotomi yang ekstrem antara kesejagatan dengan kerelatifan ini hakikatnya tidak cocok untuk dikenakan kepada fenomena serumit bahasa manusia². Hal ini demikian kerana terdapat ciri-ciri sejagat yang ada pada semua bahasa di dunia dan pada masa yang sama, terdapat juga ciri-ciri yang unik pada bahasa tertentu sahaja. Contoh hujah yang mudah bagi membuktikan fakta ini ialah semua bahasa mempunyai golongan kata kerja dalam sistem nahunya, namun tidak semua bahasa mempunyai penjodoh bilangan dalam perbendaharaan katanya.

Makalah pendek ini secara ringkas mengutarakan persoalan kerelatifan bahasa manusia dari segi butir leksikal yang setiap satunya dianggap sebagai jalinan (boleh secara arbitrari atau tidak arbitrari) antara komponen bentuk dengan komponen makna. Data yang akan dipaparkan sebagai objek perbincangan terdiri daripada beberapa kata kerja dalam bahasa Minang Silungkang³ yang berkaitan dengan pergerakan tangan dan kaki⁴. Didapati

¹ Dibentangkan di Seminar Ilmuwan Muda Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI), 9 September 2012 di Puri Pujangga, Universiti Kebangsaan Malaysia.

² Dengan ini, bahasa-bahasa buatan (*artificial languages*), seperti bahasa komputer tidak termasuk dalam skop perbincangan.

³ Silungkang ialah daerah yang terletak di antara Solok dan Sawah Lunto di Sumatera Barat, Indonesia (Lekkerkerker, dipetik oleh Amri Marzali, 1973: 28).

⁴ Terima kasih kepada Prof. Dr. Amri Marzali, pensyarah di Jabatan Sosio-Budaya Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya selaku informan. Beliau ialah penutur natif bahasa ini.

bahawa banyak kata kerja tersebut tidak boleh diberikan padanannya yang seratus peratus tepat dalam bahasa-bahasa lain, misalnya bahasa Melayu standard yang berasaskan dialek Johor-Riau dan bahasa Inggeris kerana membawa makna yang amat spesifik. Hal inilah yang dirujuk sebagai relativiti butir leksikal; banyak perkataan tidak mempunyai padanan atau pasangan semakna yang merentasi bahasa-bahasa yang berbeza, apatah lagi *semua* bahasa. Walau bagaimanapun, beberapa kata kerja yang menjadi data makalah ini diyakini turut wujud sama ada dalam dialek-dialek Minang yang lain atau dalam bahasa-bahasa rumpun Austronesia yang lain (walaupun ada sedikit perbezaan makna). Data-data yang terpilih diberikan ulasan semantik dengan penilaian sejauh manakah kebolehterjemahannya dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Penulis seterusnya akan membincangkan isu pemerolehan bentuk dan makna butir leksikal.

PEMAPARAN DATA DAN ULASAN SEMANTIK

Kumpulan data yang pertama ialah kata kerja pergerakan tangan yang berkaitan dengan **tindakan mengambil makanan dalam kuantiti yang kecil**. Kata kerjanya ialah *binjek* dan *kupia*.

KOMPONEN	binjek	kupia
MAKNA	/binje /	/kupia/
Makanan	nasi, lauk-pauk	kuih, kek, roti
Bilangan jari	tiga hingga empat jari	tiga jari (boleh juga dengan sudu, garpu, atau pisau)

Jadual 1 Kata Kerja Mengambil Makanan dalam Kuantiti yang Kecil

Walaupun kedua-dua kata kerja ini berada dalam mandala makna yang sudah cukup spesifik, iaitu kuantiti makanan yang diambil mestilah kecil, penutur Minang Silungkang memperhalusi lagi jenis tindakan ini untuk diberikan label yang berasingan, iaitu dengan mempertimbangkan ciri fizikal makanan tersebut. Perbezaan antara *binjek* dengan *kupia* ialah *kupia* merupakan perbuatan mengambil makanan yang boleh dikatakan lebih bersifat ‘pejal’, berbentuk ‘kebongkahan’, agak keras, dan boleh ‘dipotong’, manakala *binjek* untuk makanan yang tidak atau kurang bersifat demikian. Hal ini menunjukkan bahawa penutur Minang Silungkang dengan teliti telah meletakkan kriteria tekstur makanan bagi memaujudkan dua

kata kerja tersendiri yang berbeza dalam paradigma yang sama. Perincian makna sebegini amat halus dan sukar ditemui kesejajarannya dalam bahasa-bahasa lain.

Seterusnya ialah kata kerja pergerakan tangan dalam kumpulan perbuatan “memukul”, iaitu *lampang*, *lapuak*, *cakuih*, *lacuik*, dan *lameh*.

KOMPONEN	lampang	lapuak	cakuih	lacuik	lameh
MAKNA	/lampa /	/lapua /	/cakuih/	/lacui /	/lameh/
Anggota badan yang “memukul”	seluruh tapak tangan	setengah tapak tangan	buku jari	tangan, dengan cambuk	tangan atau tangan dan kaki
Sasaran	pipi	pipi	kepala	badan	badan
Tujuan	melepaskan marah	melepaskan geram	melepaskan geram	menjatuhkan hukuman, memberikan pengajaran	melepaskan marah yang melampau
Kesan	sakit	tidak begitu sakit	tidak begitu sakit	sangat sakit	cedera parah
Daya tenaga	banyak	sedikit	sedikit	banyak	sangat banyak

Jadual 2 Kata Kerja Memukul

Bagi menunjukkan kerelatifan butir leksikal daripada kumpulan kedua ini, ambillah kata *cakuih* sebagai contoh. *Cakuih* boleh diterjemahkan sebagai *sekeh*, *duku*, atau *luku* dalam bahasa Melayu, dan *knock* dalam bahasa Inggeris. Namun begitu, *knock* ternyata bukan padanan yang seratus peratus menyamai *cakuih*, kerana selain *head* (*kepala*), kata *knock* boleh mempunyai hubungan sintagmatik dengan *door* (*pintu*), walhal *cakuih* khusus hanya berkolokasi dengan *kepala*. Kata *lampang* dan *lapuak* boleh sahaja diterjemahkan sebagai kepasa satu perkataan dalam bahasa Inggeris, iaitu *slap*, tetapi kedua-duanya hanya berkongsi persamaan pada komponen makna sasaran pukulan dan tidak bagi komponen-komponen makna yang lain, misalnya dari segi tujuan. *Lapuak* bertujuan untuk melepaskan

geram, iaitu perasaan sakit hati yang tahapnya lebih rendah daripada *marah*. Oleh itu, *lampang* dan *lapuak* masing-masing mempunyai nilai semantik yang lebih kecil daripada *slap*.

Kumpulan yang terakhir ialah kata kerja pergerakan kaki, yang terdiri daripada *mandudu*, *malalah*, dan *manggalapua*.

KOMPONEN	mandudu	malalah	manggalapua
MAKNA	/mandudu/	/malalah/	/ma galapua/
Tujuan	terlalu mahu mendapatkan atau melakukan sesuatu	bersenang-senang hati, merayau-rayau, makan angin	menyelamatkan diri daripada ancaman
Kadar kelajuan	agak laju	tidak laju	sangat laju
Cara	berjalan dengan tidak memandang ke kiri mahupun ke kanan, tidak berhati-hati	berjalan dengan tenang dan santai	berlari sambil berloncatan, lintang- pukang, bertempiaran

Jadual 3 Kata Kerja Pergerakan Kaki

Antara ketiga-tiga kata kerja dalam kumpulan ini, *mandudu* dilihat mempunyai makna yang paling khusus. *Mandudu* ialah perbuatan yang dilakukan dalam proses untuk melakukan perbuatan yang lain; sebagai contoh, seseorang itu boleh *mandudu* jika dia ingin mendapatkan beg duitnya yang tertinggal di atas meja makan di restoran. Jelas di sini bahawa konteks kejadian memainkan peranan yang besar dalam mencirikan makna kata kerja ini. Kata *malalah* mungkin boleh diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris sebagai *wandering*, tetapi kata *wandering* ini tidak memiliki komponen makna tujuan yang khusus untuk bersenang-senang hati seperti *malalah*. Oleh itu, kata *wandering* mempunyai nilai semantik yang lebih besar.

MISTERI PEMEROLEHAN BENTUK DAN MAKNA BUTIR LEKSIKAL

Dalam menyentuh perbezaan yang nyata antara bahasa-bahasa di dunia dari segi keseluruhan kandungan makna yang dibawa oleh kosa kata masing-masing, Adger, iaitu seorang ahli nahu generatif⁵ (2002: 29) menyatakan:

There is absolutely no necessity that different languages should have words that cover the same set of semantic concepts...it should come as no surprise that a language might have, say, colour terms that do not match the color terms of other languages. The basic underlying semantics atoms are the same, but the lexical items, that is the molecules that they build up, vary across languages.

Dalam pandangan ini, fitur-fitur semantik (komponen-komponen makna) bagi semua bahasa manusia dikatakan sejagat sifatnya, tetapi setiap bahasa telah mengelompokkan dan seterusnya memaujudkan fitur-fitur berkenaan dalam bentuk butir leksikal tertentu dengan caranya yang tersendiri. Proses inilah yang dianggap oleh ahli nahu generatif sebagai penjelasan kepada *perbezaan* kosa kata dan kandungan (dan potensi!) makna antara 6,000 bahasa yang wujud kini.

Soal pemilihan fitur semantik yang akan dimaujudkan dalam butir leksikal yang khas bergantung kepada faktor budaya dan alam yang melatari masyarakat penutur bahasa tersebut. Contoh klasik yang dapat diberikan bagi kelompok rumpun Austronesia ialah dialek Melayu Kedah mempunyai sangat banyak kosa kata yang khas berkaitan dengan dunia persawahan kerana orang Melayu Kedah kebanyakannya penanam padi. Dalam kes bahasa Minang Silungkang, informan tidak dapat menjelaskan bagaimana boleh adanya perkataan khas dalam bahasa tersebut untuk merujuk kepada perbuatan mengambil sedikit nasi dan sedikit roti. Demikian juga dengan hal terdapatnya kata-kata seperti *cakuih* dan *mandudu*. Perkara ini tentunya tidak dapat diterangkan semudah kedapatan banyak kosa kata persawahan dalam dialek Melayu Kedah.

Sebenarnya, pendapat yang dikemukakan oleh Adger di atas itu bukanlah sesuatu yang baru. Lyons (1969: 472) menyatakan bahawa pendirian yang sama sudah lazim ditemui dalam dunia spekulasi linguistik dan falsafah pada abad ke-17 dahulu, dan tentunya dipegang oleh Chomsky. Walau apapun, kenyataannya, andaian kesejagatan fitur semantik yang

⁵ Nahu generatif ialah teori struktur bahasa yang dipelopori oleh Chomsky (1957). Teori yang bersifat mentalis/rasionalis ini menganjurkan gagasan Nahu Sejagat yang dikatakan mendasari struktur semua bahasa manusia.

diyakini oleh ahli-ahli linguistik mentalis/rasionalis ini sangat sukar untuk diterima oleh ahli-ahli linguistik empiris, kerana anggapan seolah-olah semua fitur semantik itu ‘bertaburan’ dalam bentuk primordialnya, kemudian ‘ditangkap’ oleh setiap bahasa dengan ‘kaedah tangkapan’ masing-masing, dan fitur-fitur itu seterusnya ‘dipaketkan’ dalam ‘bungkusan-bungkusan’ butir leksikal, ialah satu idea yang terlalu abstrak dan dilihat sebagai alasan dangkal bagi menegakkan gagasan kesejagatan bahasa semata-mata. Tambahan lagi, ahli-ahli linguistik mentalis/rasionalis tersebut menumpukan kajian bahasa mereka kepada aspek struktur ayat sahaja dan aspek makna butir leksikal hanyalah perkara sampingan (walaupun dalam versi teori nahu generatif yang tekini).

Aliran-aliran lain melihat bahawa makna butir leksikal dibentuk sepenuhnya oleh penggunaan bahasa dalam masyarakat (tentunya melibatkan persetujuan yang tegar); tidak ada yang wujud secara *a-priori*. Tetapi bagaimanakah sebenarnya keseluruhan proses yang mewujudkan komponen bentuk dan makna butir leksikal itu bermula dan berjalan sehingga selesai, dengan lengkap membina *perbendaharaan kata asli satu-satu rumpun bahasa*? Kita tidak akan dapat menjawab pertanyaan ini secara mutlak kerana ia memerlukan kita meneroka sejarah asal-usul bahasa-bahasa manusia itu sendiri. Sebagai Muslim, kita tentunya meyakini bahawa bahasa yang dituturkan oleh Adam itulah bahasa pertama manusia. Namun begitu, bagaimanakah daripada bahasa Adam yang satu itu, lahir bahasa-bahasa lain dengan kosa kata aslinya yang tersendiri? Kajian hal ini nampaknya berada di luar kemampuan manusia.

KESIMPULAN

Rumusannya, taburan makna dalam butiran leksikal bahasa-bahasa manusia adalah tidak sekata. Oleh itu, penterjemahan tidak mungkin akan dapat memindahkan bentuk bersama-sama makna dengan selengkap-lengkapnyanya dari satu bahasa ke bahasa yang lain kerana sifat relatif butiran leksikal. Aspek butiran leksikal atau kosa kata inilah yang sebenarnya membentuk identiti unik satu-satu bahasa itu; iaitu kriteria yang paling jelas membezakan bahasa X daripada bahasa Y. Inilah fitrah bahasa-bahasa manusia.

Bibliografi

Adger, D., 2002. *Core Syntax: A Minimalist Approach*. New York: Oxford University Press.

Amri Marzali, 1973. *Orang Silungkang di Jakarta: Latar Belakang dan Fungsi Konflik dalam Sistem Kekerabatan Mereka*. Tesis Sarjana, Universitas Gajah Mada.

Asmah Haji Omar, 1993. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*, Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lyons, J., 1969. *Introduction to Theoretical Linguistics*. London: Cambridge University Press.

Lyons, J., 1977. *Semantics* (Vol. 1). Cambridge: Cambridge University Press.